

**Najib Rasmi Persidangan Perwakilan Umno Zon 5 Di Sabah 2 Sept  
Bernama  
25 Ogos, 2012**

SANDAKAN, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka merasmikan serentak persidangan perwakilan Umno Zon 5 di sini pada 2 September ini.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata selepas merasmikan mesyuarat itu, Perdana Menteri dijangka menghadiri Majlis Rumah Terbuka Umno Zon 5 yang membabitkan lima Umno bahagian iaitu Libaran, Sandakan, Batu Sapi, Beluran dan Kinabatangan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri Anggota Dewan Undangan Negeri Sekong Datuk Samsudin Yahya di sini, Sabtu.

Beliau berkata rakyat di Sabah khususnya di daerah ini memang menantikan ketibaan Perdana Menteri.

Terdahulu, Musa menghadiri rumah terbuka Ketua Umno Bahagian Beluran Datuk James Ratib dan Ketua Umno Bahagian Sandakan Tan Sri Ampong Puyon di kediaman masing-masing di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=689818>